

026 KEKANGAN BERTUTUR DALAM BAHASA ARAB DI KALANGAN PELAJAR BASL

Adnan bin Mat Ali, Muhammad Firdaus bin Hj Abdul Manaf

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

adnan@kuis.edu.my, firdaus@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai kekangan bertutur para pelajar BASL, KUIS menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian mereka. Ia bertujuan mendedahkan beberapa faktor yang menyebabkan mereka lemah berbahasa Arab dan seterusnya memberikan cadangan penyelesaian terhadapnya. Reka bentuk kajian ialah menggunakan kaedah tinjauan yang dipilih secara *purposive* melalui instrumen soal selidik yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan mudah berdasarkan jantina, peringkat pengajian dan latar belakang pendidikan. Seramai 50 orang responden telah dipilih daripada kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. Kajian mendapati bahawa pelajar lelaki seramai 36% daripada keseluruhan responden bersetuju mengenai punca utama kekangan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar ini berlaku kerana mereka kurang menguasai *Nahw* serta *Sarf* iaitu sebanyak 55.5% berbanding dengan faktor-faktor yang lain dan ia dikuatkan dengan dapatan sebanyak 53.1% daripada pelajar perempuan (64%) itu sendiri. Pelajar-pelajar daripada semester satu (58%) dan semester dua (42%) juga menyatakan sebab yang sama dengan hasil peratusan masing-masing iaitu 55.1% dan 57.1%. Kajian berdasarkan latar belakang pendidikan pelajar sebelum ini pula yang terdiri daripada bekas pelajar asasi (16%), diploma (2%), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) (74%) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (8%) juga menyokong pendapat yang sama dengan hasil peratusan daripada asasi sebanyak 75%, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) sebanyak 81% dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) serta diploma yang masing-masingnya 100%. Ini jelas menunjukkan bahawa faktor utama para pelajar tidak mampu berbahasa Arab ialah kerana kurang menguasai *Nahw* dan *Sarf*.

PENGENALAN

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia bermula sejak kedatangan Islam lagi (Ahmad Jelani Halimi 1996: 9). Pada peringkat permulaan, pendidikannya hanya terbatas kepada aktiviti memahami ilmu-ilmu Islam dan menunaikan kewajiban agama sahaja. Kemudian cakupannya semakin meluas mengikut perkembangan semasa (Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah 2007: 3). Buku Sejarah Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia (Rosni 2009: 13) menyebut bahawa dalam perkembangan kehidupan moden pada hari ini yang memerlukan bahasa Arab sebagai bahasa untuk berkomunikasi, pembelajarannya berkembang di sekolah-sekolah sebagai satu subjek bahasa. Tujuan pengajarannya adalah untuk berkomunikasi yang menekankan beberapa kemahiran bahasa. Ia turut diajar di peringkat universiti sebagai bahasa elektif dan juga sebagai satu program untuk mendapatkan ijazah pengkhususan dalam bidangnya.

Kemahiran berbahasa boleh didapati dengan beberapa strategi bagi meningkatkan kebolehan pelajar, keyakinan diri, minat dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Arab (Anida 2003: 72). Kajian Sueraya (2010: 34) mendapati pelajar-pelajar yang berjaya ialah mereka yang bijak menggunakan pelbagai strategi bagi meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab. Tanpa ada strategi tertentu, objektif penguasaan terhadap bahasa ini tidak akan tercapai (Oxford 1990: 53). Pembelajaran di Malaysia lebih menekankan kepada penguasaan empat kemahiran berbahasa. Antaranya ialah kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (*Wizarah Tarbiyyah Malayziyyah* 2003: 89). Kajian ini akan menumpukan kepada aspek mengenal pasti halangan, kekangan dan juga masalah dalam pertuturan ataupun komunikasi yang di hadapai oleh pelajar-pelajar yang mengambil Sarjana Muda Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua (BASL) (KUIS), seterusnya mencari penyelesaian agar mereka mampu bertutur dan berkomunikasi dengan baik di dalam Bahasa Arab. Krashen dan Terrel (1983: 55) menyebut bahawa penguasaan bahasa Arab itu tidak sempurna kalau hanya menguasai kemahiran mendengar, membaca dan menulis sahaja. Sedangkan praktikal komunikasi kepada semuanya iaitu kemahiran bertutur tidak dapat dikuasai. Kemahiran bertutur juga tidak akan

mencapai matlamatnya jika strategi yang tidak digunakan adalah tidak sesuai (O'Malley & Chamot 1990: 55).

PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap penguasaan bahasa Arab sebelum ini lebih tertumpu kepada strategi pengajaran dan kajian terhadap buku teks serta modul. Namun kajian berkaitan dengan strategi pembelajaran melalui konteks kemahiran bertutur masih belum lagi diberikan perhatian sewajarnya. Justeru, kajian terhadap kemahiran ini perlu dilakukan agar ia mampu dikuasai seimbang dengan kemahiran-kemahiran sedia ada yang lain (Mastura Arshad 2012: 153).

Institusi dan sekolah tradisional atau pondok di Malaysia ini terkenal dengan kehebatan pelajar mereka yang menguasai bidang tatabahasa Arab samada daripada segi sintaksis atau morfologinya. Mereka mahir dalam kemahiran berbahasa termasuklah membaca, menulis dan mendengar, namun kemahiran bertutur dalam bahasa ini belum dikuasai sepenuhnya. Hakikatnya, masalah yang sama juga berlaku dalam kalangan pelajar universiti, walau pun bidang pengajian mereka ialah pengkhususan dalam bahasa Arab sekali pun. Oleh hal yang demikian, perlu ada kajian yang meneliti permasalahan ini agar penyelesaiannya dapat dicari (Abdullah Jusoh 1989: 23).

Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji yang berpengalaman mengajar pelajar-pelajar dalam bidang pengkhususan bahasa Arab di KUIS ini mendapati bahawa sebahagian besar pelajar KUIS amnya dan BASL khasnya masih lemah berkomunikasi dalam bahasa Arab. Justeru, kajian ini diharap dapat membantu mengenal pasti halangan atau masalah yang dihadapi oleh para pelajar, disamping membantu tenaga pengajar memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan lebih berkesan.

MATLAMAT KAJIAN

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji kekangan dan permasalahan berkomunikasi dan bertutur dalam bahasa Arab dikalangan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (BASL) (Kepujian) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor atau yang lebih dikenali sebagai KUIS.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk:

- 1- Mengenal pasti halangan dan juga permasalahan yang dihadapi oleh pelajar BASL dalam proses mempraktikkan kemahiran bertutur menggunakan bahasa Arab di KUIS.
- 2- Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti pendekatan dan kaedah untuk mengatasi halangan dan permasalahan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah menggunakan kaedah tinjauan berdasarkan satu instrumen khas melalui borang soal selidik yang telah dibina dengan menggunakan skala likert, bagi meneliti beberapa kekangan dan halangan bertutur bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian) di Akademi Islam, KUIS. Berdasarkan saranan kajian yang lepas, 5 aspek kekangan dan halangan bertutur dalam bahasa Arab telah dikenal pasti dan kesemuanya dijadikan item soalan bagi meneliti kekerapan strategi yang digunakan oleh mereka. Proses analisis data kemudiannya dibuat menggunakan peratusan mudah.

SKOP DAN LIMITASI KAJIAN

Fokus kajian ialah meneliti kekangan dan halangan bertutur dalam bahasa Arab di kalangan pelajar yang mengambil jurusan bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Mereka yang terlibat adalah seramai 50 orang pelajar daripada Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian) yang terdiri daripada pelajar semester satu hingga dua, sesi pengajian 2013/2014.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Mat Taib Pa dalam tulisan beliau 'Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi' (2008: 51) mencatatkan bahawa sejak dahulu lagi penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar amat lemah, walau pun mereka daripada bidang pengkhususan bahasa itu sendiri. Kebanyakkan mereka lemah dalam menguasai perbendaharaan kata, morfologi, sintaksis dan gaya bahasa. Justeru, mereka akan hilang keyakinan untuk menuturkan bahasa ini dengan sebaiknya. Isu ini jelas disebutkan oleh Ismail Ibrahim (1994: 12) dalam kajian beliau yang bertajuk 'Pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi Malaysia'.

Satu kajian yang bertajuk 'Penggunaan strategi pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab' oleh Mastura Arshad (2012: 139-155) menyebut bahawa dalam bidang pembelajaran bahasa Arab, pelajar yang didedahkan dengan pelbagai strategi ternyata mampu meningkatkan kebolehan bahasa. Pengetahuan tentang strategi-strategi pembelajaran bahasa kemahiran bertutur mampu menarik minat pelajar untuk mengaplikasikannya dalam pembelajaran. Selain itu, penggunaan strategi yang tepat dan bersesuaian akan melahirkan pelajar bahasa yang bijak dalam mengendalikan pembelajaran bahasa.

Sueraya Che Haron (2010: 66) dalam tesis doktor falsafahnya 'Understanding Arabic-speaking skill learning strategies among selected Malay learners' menyebut bahawa pelajar-pelajar yang ingin menguasai pertuturan bahasa Arab, mereka mesti menguasainya terlebih

dahulu di dalam kelas merujuk kepada strategi semulajadi atau usaha sendiri pelajar untuk meningkatkan kemahiran bertutur mereka seperti mengumpul perbendaharaan kata yang baru, mengesan kesalahan tatabahasa dalam pertuturan pensyarah, meniru sebutan perkataan Arab, membandingkan perbezaan ungkapan bahasa Arab yang diucapkan oleh pensyarah yang berbeza negara seperti Arab, Melayu dan mereka yang lahir di Timur Tengah.

Kamaruddin Hj Husin, (1999), menyatakan bahawa para guru perlu bertanggungjawab membentuk kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar dan berusaha mengesan kelemahan pelajar dalam sebutan, tatabahasa dan aspek bahasa yang lain.

Mahmud Kamil al-Naqah, (1985: 159-164) menyebut bahawa, terdapat beberapa aspek dalam kemahiran bertutur atau berkomunikasi dalam bahasa Arab yang perlu diberi penekanan iaitu, aspek sebutan, perbendaharaan kata dan kaedah tatabahasa. Menurut Kamaruddin Hj Hussin, (1999), kesalahan dalam sebutan kebiasaannya berlaku kepada para pelajar bahasa kedua atau bahasa asing kerana dipengaruhi oleh bahasa ibunda. Manakala Mahmud Kamil al-Naqah, pula menyatakan bahawa pelajar dapat mengatasi halangan berkomunikasi apabila pelajar mencapai dua kemahiran iaitu mendengar dan membaca, kerana kedua-dua kemahiran ini membantu pelajar menambah kosa kata dan membimbing mereka menggunakannya dalam konteks ayat yang betul.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan ini akan membincangkan keputusan yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang dijalankan dengan menggunakan analisis mudah bagi mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh para pelajar bertutur dalam bahasa Arab. Seramai 50 orang responden terlibat untuk menjawab soal selidik ini dan hasil kajian yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan jantina, semester pengajian dan latar belakang responden seperti keterangan di bawah.

i. Jantina:

Kajian mendapati seramai 18 orang pelajar lelaki (36%) dan 32 orang pelajar perempuan (64%) terlibat sebagai sampel kajian daripada populasi keseluruhan pelajar BASL. Ringkasannya adalah seperti berikut:

Jadual 1 Bilangan responden dan peratusan berdasarkan jantina

Jantina/Bil	Bil	Peratusan
Lelaki	18	36%
Perempuan	32	64%

Sumber soal selidik 2014

ii. Semester Pengajian:

Seramai 29 orang (58%) responden dari semester satu, manakala 21 orang (42%) responden yang lain dari semester dua. Ringkasannya adalah seperti berikut:

Jadual 2 Bilangan responden dan peratusan berdasarkan semester pengajian.

Semester	Bil	Peratusan
Semester 1	29	58%
Semester 2	21	42%

Sumber soal selidik 2014

iii. Latar belakang Pendidikan:

Kajian ini mendapati seramai 4 orang (8%) responden daripada STPM, 37 orang (74%) daripada STAM, 8 orang (16%) daripada asasi dan seorang (2%) daripada diploma. Ringkasannya adalah seperti berikut:

Jadual 3 Bilangan responden dan peratusan berdasarkan latar belakang pendidikan sebelum ini.

Pendidikan	Bil	Peratusan
STPM	4	8%
STAM	37	74%
Asasi	8	16%
Diploma	1	2%

Sumber soal selidik 2014

Kajian yang menggunakan soal selidik ini dibina mengikut skala *likert* iaitu ‘amat bersetuju’, ‘bersetuju’, ‘tidak pasti’, ‘tidak bersetuju’ dan ‘amat tidak bersetuju’. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua responden hanya memberikan tindak balas pada skala ‘amat bersetuju’ dan ‘bersetuju’ sahaja terhadap 5 item kekangan pelajar bertutur dalam bahasa Arab seperti berikut:

- i. Kurang kosa kata Arab.
- ii. Malu.
- iii. Tiada suasana yang memberansangkan.
- iv. Tidak menguasai ilmu Nahw dan Sarf.
- v. Tiada dorongan dan semangat daripada yang lain.

Berikut merupakan analisis terhadap skala ‘bersetuju’ dan ‘amat bersetuju’ oleh pelajar berdasarkan jantina, semester pengajian dan latar belakang pendidikan mereka:

i. Skala Bersetuju.

Seramai 10 orang pelajar lelaki (56%) memilih item 4. Manakala item 1, 2 dan 3, masing-masing diwakili oleh 2 orang pelajar (11%) sahaja. Bagi pelajar perempuan pula, seramai 17 orang (53.12%) juga memilih item 4 dan bakinya memilih item 1, 2 dan 3 yang masing-masing mewakili seramai 4 orang (12.5%) setiap satu daripadanya. Tiada seorang pelajar pun samada daripada lelaki mahu pun perempuan yang memilih item 5 untuk skala 'bersetuju' ini. Berikut merupakan ringkasan dapatan ini:

Jadual 4 Pemilihan terhadap 'skala bersetuju' berdasarkan jantina.

Jantina	1	2	3	4	5
Lelaki	2 (11%)	2 (11%)	2 (11%)	10 (56%)	0
Perempuan	4 (12.5%)	4 (12.5%)	4 (12.5%)	17 (53.12%)	0

Sumber soal selidik 2014

Jadual 5 menunjukkan seramai 16 orang pelajar (55.17%) dari semester 1 bersetuju memilih item 5 sebagai faktor utama kekangan berbahasa Arab dalam kalangan mereka. Ini diikuti dengan item 1 seramai 4 orang (13.79%), item 2 seramai 3 orang (10.34%) dan begitu juga item 3 seperti dapatan item kedua. Semester kedua pula menunjukkan seramai 12 orang (57.14%) juga memilih item 4. Item 1 seramai 3 orang (14.28%) dan item 2 serta 3, masing-masing sebanyak 3 orang iaitu 9.52% setiap satu daripadanya. Tiada seorang pun yang memilih skala daripada item 5. Berikut merupakan ringkasan daripada keterangan yang di atas:

Jadual 5 Pemilihan terhadap 'skala bersetuju' berdasarkan semester.

Semester	1	2	3	4	5
Satu	4 (13.79%)	3 (10.34%)	3 (10.34%)	16 (55.17%)	0
Dua	3 (14.28%)	2 (9.52%)	2 (9.52%)	12 (57.14%)	0

Sumber soal selidik 2014

Jadual di bawah merupakan pemilihan terhadap ‘skala bersetuju’ berdasarkan latar belakang pendidikan pelajar sebelum ini. Kesemua responden daripada STPM iaitu 4 orang dan seorang daripada diploma memilih 100% untuk item 4. Pelajar daripada STAM seramai 30 orang (81.08%) juga memilih item 4. Manakala bakinya memilih item 1, 2 dan 3 yang setiap satunya mewakili seramai 2 orang (5.40%). Seramai 6 orang pelajar (75%) yang pernah menduduki asasi memilih item 4 dan bakinya iaitu setiap seorang (12.5%) daripadanya memilih item 1 serta 2. Ringkasannya adalah seperti jadual berikut:

Jadual 6 Pemilihan terhadap ‘skala bersetuju’ berdasarkan latar belakang pendidikan.

Pendidikan	1	2	3	4	5
STPM	0	0	0	4 (100%)	0
STAM	2 (5.40%)	2 (5.40%)	2 (5.40%)	30 (81.08%)	0
Asasi	1 (12.5%)	1 (12.5%)	0	6 (75%)	0
Diploma	0	0	0	1	0

				(100%)	
--	--	--	--	--------	--

Sumber soal selidik 2014

ii. Skala Amat Bersetuju.

Melalui skala ini, hanya 2 orang lelaki (11%) dan 3 orang perempuan (9.37%) sahaja yang memilih item 5 seperti jadual di bawah:

Jadual 7 Pemilihan terhadap ‘skala amat bersetuju’ berdasarkan jantina.

Jantina	1	2	3	4	5
Lelaki	0	0	0	0	2 (11%)
Perempuan	0	0	0	0	3 (9.37%)

Sumber soal selidik 2014

Jadual di bawah ini menerangkan bahawa seramai 3 orang pelajar (10.34%) dari semester 1 hanya memilih item 5 sahaja. Begitu juga pelajar dari semester 2 yang memilih item 5 iaitu seramai 2 orang (9.52%). Ringkasannya adalah seperti berikut:

Jadual 8 Pemilihan terhadap ‘skala amat bersetuju’ berdasarkan semester.

Semester	1	2	3	4	5
Satu	0	0	0	0	3 (10.34%)
Dua	0	0	0	0	2 (9.52%)

Sumber soal selidik 2014

Berdasarkan skala ini, hanya pelajar yang berlatar belakang pendidikan asasi sahaja yang terlibat iaitu seramai satu orang sahaja (2.70%) mewakili pada item 5. Jadual di bawah merupakan ringkasan daripada keterangan di atas:

Jadual 9 Pemilihan terhadap ‘skala amat bersetuju’ berdasarkan latar belakang pendidikan.

Pendidikan	1	2	3	4	5
STPM	0	0	0	0	0
STAM	0	0	0	0	1 (2.70%)
Asasi	0	0	0	0	0
Diploma	0	0	0	0	0

Sumber soal selidik 2014

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian ini dijalankan mendapati kekangan dan juga halangan yang dihadapi oleh pelajar mengikut peratusan terbanyak adalah mengikut susunan berikut:

- i. Tidak menguasai ilmu Nahw dan Sarf.
- ii. Kurang kosa kata Arab.
- iii. Malu.
- iv. Tiada suasana yang memberansangkan.
- v. Tiada dorongan dan semangat daripada yang lain.

CADANGAN

- 1- Dicapangkan agar pihak jabatan dapat berusaha memperkasakan strategi kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar BASL dan SMBAT dengan lebih berkesan

- dari masa ke semasa. Seterusnya dapat mengatasi permasalahan bertutur bahasa Arab di kalangan pelajar.
- 2- Dicapangkan agar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam program BASL khasnya dan program-program bahasa Arab lain di KUIS amnya dan juga subjek-subjek Pengajian Islam dapat dijalankan dengan baik dan berkesan menggunakan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab.
 - 3- Dicapangkan agar satu penyelidikan yang menyeluruh berkaitan permasalahan pertuturan dalam bahasa Arab di kalangan pelajar bahasa Arab khasnya dan pelajar Pengajian Islam amnya dapat dijalankan dengan lebih konprehensif.
 - 4- Dicapangkan agar hasil dapatan kajian berdasarkan kekangan pelajar bertutur dalam bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar-pelajar ini dapat digunakan oleh mana-mana pihak bagi mengangani permasalahan tersebut dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran bertutur dalam bahasa Arab pelajar-pelajar mereka.
 - 5- Dicapangkan agar ada kajian yang mengkaji tahap keberkesanan terhadap keseluruhan permasalahan yang dinyatakan dalam kajian ini.

PENUTUP

Perlu ditegaskan di sini bahawa keterbatasan kajian ini dari segi bilangan responden serta variasi responden dari segi tahap kemahiran, telah menghadkan dapatan kajian kepada lingkungan responden yang dikaji sahaja. Kajian ini merupakan satu kajian rintis ke arah mengenal pasti kekangan dan halangan dalam berkomunikasi dan pertuturan bahasa Arab di kalangan pelajar bahasa Arab. Justeru, kajian ini diharap dapat mendedahkan tentang kekangan dan halangan pelajar dalam menguasai kemahiran bertutur bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat mendedahkan aspek-aspek penambahbaikan yang dapat meningkatkan lagi kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar bahasa Arab. Ianya juga diharap dapat memberikan input awalan atau latar belakang peranan tugas bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab. Halim Mohammad. 2009. *Tahap Komunikasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 1.
- Al-Naqah, Mahmud Kamil, 1985. *Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah Linnatiqina Biha*, Universiti Ummul Qura, Saudi.
- Anida Abd.Rahim. 2003. *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu: Tesis Sarjana*, Universiti Malaya.
- Chua Yan Piaw. 2009. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Selangor: McGraw-Hill (Malaysia).
- Ismail Ibrahim. 1994. *Pengajian dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd
- Kamarudin Hj Husin, 1999. *Pengajaran Lisan: Kemahiran Mendengar dan Bertutur*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2009. *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat & Mohamed Amin Embi. 2010. *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mat Taib Pa. 2008. *Isu-isu pengajaran bahasa dan kesusasteraan Arab di institut pengajian tinggi*. Prosiding Seminar Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan Arab di Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam, FPI UKM.
- Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. 2005. *Penilaian Kemahiran Mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi*. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nonglaksana Kama. 2007. *Istratijiyyat Ta'allum al-Lughah wa 'Alaqtuha bi al-Akhta' al-Lughawiyah li Muta'allimi al-Lughah al-Arabiyyah fi al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah fi Maliziya: Dirasah Tahliliyyah*. Tesis Doktor Falsafah: UIAM.
- Nurazan Mohmad Rouyan. 2004. *Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Disertasi Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O' Malley, J.M & Chamot, A.U. 1990. *Learning Strategies in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Osman Khalid. 1994. *Pengajian dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi Malaysia*. Kuala Lumpur: Budaya Ilmu Sdn.Bhd.
- Oxford, R.L. 1990. *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. New York: Newbury House Publishers.
- Toimah. 2004. *Al-Maharat al-Lughawiyah: Mustawiyatuha, Tadrisuha, Su'ubatuha*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Sueraya Che Haron. 2010. *Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners*. Tesis Doktor Falsafah: UIAM.

Wenden, A.L & Rubin, J.eds. 1987. *Learner strategies in language learning*. New Jersey:
Prentice Hall.